DEVELOPMENT & COMMERCIAL BANK BHD.

lwn.

BHARANI HOLDINGS SDN. BHD.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL RAZAK H
[PENGGULUNGAN SYARIKAT NO. 42 TAHUN 1983]
29 NOVEMBER 1988

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Penggulungan - Syarikat tidak lagi mampu membayar hutangnya kepada pemohon - Responden tidak menyangkal dakwaan ia berhutang kepada pemohon tetapi berkata petisyen harus ditolak atas beberapa sebab - Affidavit yang menyokong petisyen tidak dibuat oleh pengarah - Notis petisyen tidak diserahkan kepada responden dengan teratur mengikut alamat yang didaftar - Seksyen 218 (1)(e) Akta Syarikat 1965.*

Petisyen pemohon ini adalah supaya Mahkamah membuat perintah di bawah seksyen 218(e) Akta Syarikat 1965 menggulung pihak responden sebuah syarikat kerana ketidak upayaan membayar hutangnya.

[Permohonan ini ditolak dengan bayaran kos.]

Bagi pihak Pempetisyen - T/n. Skrine & Co.
Bagi pihak Responden - T/n. Murthi & Partners

PENGHAKIMAN

Abdul Razak H:

Petisyen ini adalah supaya Mahkamah membuat perintah di bawah seksyen 218(1)(e), Akta Syarikat 1965 menggulung (wind-up) pihak responden sebuah syarikat kerana ketidakupayaannya lagi membayar hutangnya.

Pihak responden tidak menyangkal dakwaan bahawa ia berhutang kepada pihak pemohon sebanyak RM 14,946.19 tetapi berkata bahawa petisyen itu harus ditolak atas beberapa sebab.

Pertama, ia telah tidak digazet dan disiarkan, tetapi saya berpendapat bahawa dakwaan ini adalah tidak benar kerana saya dapati ia telah digazet dan disiarkan di dalam akhbar semacam mana didedahkan oleh peguam plaintif didalam hujah bertulisnya.

Kedua, katanya affidavit yang menyokong petisyen itu tidak dibuat oleh seorang pengarah, setiausaha atau pekerja syarikat yang kanan (Principle Officer); ia dibuat oleh seorang pengurusnya. Bagi maksud itu saya tidak nampak bagaimana seorang pengurus itu bukan dikatakan seorang kakitangan syarikat yang kanan. Mengikut saksi Wu Foong Chung dia adalah Pengurus Development and Commercial Bank. Kes Vic Groves & Co. Ltd. oleh itu haruslah dibezakan.

Ketiga, notis petisyen itu dikatakan tidak diserahkan kepada responden dengan teratur mengikut alamat yang didaftar. Tetapi mengikut pihak pemohon notis meminta hutang itu telah dihantarkan ke responden di alamatnya di Tingkat 17, Bangunan Angkasa Raya, Jalan

Ampang, sebelum alamat responden itu diubah kepada Lot 5.35, Tingkat 5, Wisma Central, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Saya tidak nampak oleh itu bagimana dikatakan notis itu tidak dihantar.

Saya memutuskan bahawa permohonan ini ditolak dengan bayaran kos.

Also found at [1989] 2 CLJ 281